

PENGINTEGRASIAN ILMU MENGRUS DIRI DAN ILMU MENGRUS SISTEM DALAM PENDIDIKAN : SATU KEPERLUAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM.

Zuraidah Othman¹

¹Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Abstrak.

Menurut perspektif Islam, Ilmu Mengurus Diri mahupun Ilmu Mengurus Sistem adalah penting untuk kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Ilmu Mengurus Diri mempunyai taraf fardu ain dan wajib dipelajari oleh semua orang Islam, kerana ia mengandungi ajaran-ajaran mengenai akidah, syariah dan akhlak yang tidak dapat dicapai melainkan dengan perantaraan wahyu dan hidayah Allah. Namun, untuk kesempurnaan hidup di dunia secara bermasyarakat, Ilmu Mengurus Diri atau ilmu agama sahaja tidak mencukupi meskipun ia merupakan ilmu yang paling tinggi dalam pandangan Islam. Manusia memerlukan pengetahuan yang terperinci tentang alam fizikal, alam kemanusiaan dan alam kemasyarakatan untuk menggunakan segala potensi yang wujud, sesuai dengan tugasnya sebagai khalifah yang akan membangun dirinya, alam sekitar dan masyarakat sesuai dengan tuntutan akidah tauhid dan syariah Allah. Justeru itu, ilmu pengetahuan yang dikategorikan sebagai Ilmu Mengurus Sistem perlu dipelajari dan dikembangkan sebagai pelengkap kepada ilmu agama. Ilmu pengetahuan yang mengandungi tanda-tanda kewujudan, kebesaran dan keagungan Allah di alam ini dapat memberikan roh kepada ilmu dan membawa kepada peningkatan iman dan amal salih, iaitu hubungan kerohanian dengan Allah dan rasul-Nya yang melahirkan sifat ketakwaan dalam peribadi seseorang ilmuwan.

1 Pengenalan

Dalam tradisi keilmuan Islam, terdapat dua bentuk ilmu yang sangat diberi keutamaan dan terbukti mampu menghasilkan kecemerlangan dan tamadun, iaitu Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem (Sidek Baba,2006). Dari segi penggunaan istilah, Ilmu Mengurus Diri membawa maksud Ilmu Wahyu, Ilmu Syar'iyah, Ilmu Naqli, Ilmu *al-Din*, Ilmu Fardu Ain dan seumpamanya. Manakala Ilmu Mengurus Sistem merujuk kepada Ilmu 'Aqli, Ilmu 'Aqliyah, Ilmu Fardu Kifayah, Ilmu Dunia, Ilmu Dicari (*muktasab*) dan seumpamanya. Sebenarnya, tiada percanggahan dalam penggunaan istilah ini. Masing-masing membawa makna yang sama.

Sejarah telah membuktikan bahawa umat Islam terdahulu mampu memberi keutamaan kepada Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem dalam membangunkan tamadun contoh. Pada peringkat awal lagi mereka tekun mendalami Ilmu Mengurus Diri supaya mampu menghubungkan diri dengan Maha Pencipta, mendalami al-Quran untuk mendapatkan sumber petunjuk serta mengembangkan Ilmu Mengurus Sistem. Tanpa asas ini, manusia tidak mungkin dapat mengurus sistem dengan baik.

Integrasi Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem terbukti telah memberikan asas yang kukuh bagaimana perubahan dan pembangunan bersifat holistik boleh berlangsung dengan baik. Hasilnya, ia mampu menghasilkan tamadun besar yang menyumbang ke arah pembangunan diri dan alam sekitar serta memberi manfaat kepada manusia. Pendekatan integratif berasaskan faktor Rabbani ini mampu menghasilkan tamadun unggul dalam semua bidang ilmu pengetahuan.

2 Ilmu Mengurus Diri

Ilmu Mengurus Diri pada dasarnya merujuk kepada ilmu-ilmu asas yang wajib dipelajari oleh semua orang. Menurut al-Ghazali, hukum mempelajari sesuatu ilmu asas itu menjadi fardu ain dan ia merupakan tanggungjawab yang wajib dipikul oleh setiap individu. Ia bermula dengan menghayati al-Quran dan ibadat dasar seperti syahadah, solat, puasa, zakat dan lain-lain. Di dalamnya terkandung ilmu untuk mengetahui cara mengamalkan perkara yang wajib. Ilmu Fardu Ain terdiri daripada tiga bidang asas (al-Ghazali,1 :25-26) :

i. Iman adalah berkaitan kepercayaan (iqtikad). Ia wajib dipelajari oleh setiap Muslim. Apabila seseorang akil baligh, dia mesti mempelajari maksud dua kalimah syahadah iaitu mengaku tidak ada Tuhan melainkan Allah s.w.t. Al-Ghazali berpendapat sudah cukup mempelajari dan menerima secara taklid (ikutannya) sahaja.

ii. Melaksanakan perintah-perintah agama iaitu berkaitan kehidupan seharian. Contohnya apabila waktu solat, dia wajib mempelajari bagaimana melaksanakan kewajipan ibadat mengikut keperluan individu.

iii. Menghindarkan larangan-larangan Allah. Mempelajari ilmu tentang larangan agama adalah wajib. Tetapi ini tidak bermakna setiap orang wajib mengetahui semua perkara larangan itu, hanya memadai dengan mengetahui perkara-perkara dilarang yang wujud pada masa kini iaitu kemungkaran semasa yang berlaku dalam sebuah masyarakat supaya dapat mengelakkan daripada kemungkaran itu. Seseorang tidak perlu menuntut ilmu tentang larangan yang dia tidak mungkin terdedah atau tiada berkaitan dengan persekitaran setempat. Contohnya, jika amalan meminum arak berleluasa di kalangan masyarakat di kawasan tempat tinggal individu tersebut wajiblih dia mempelajari tentang larangan yang berkenaan.

Amat jelas sekali bahawa kewajipan belajar menurut al-Ghazali adalah mudah dan kebanyakannya berkaitan dengan ajaran-ajaran Islam yang utama. Beliau tidak mewajibkan setiap orang mendalami dan mempelajari secara terperinci tentang keimanan sebagaimana yang terdapat dalam ilmu kalam. Beliau juga berpandangan semua orang tidak wajib menghabiskan masa dalam jurusan ilmu fekah yang begitu rumit. Pengajian berkaitan syariah perlulah dikaji secara lebih sederhana yang berkait rapat untuk diamalkan dalam kehidupan setiap Muslim. Kesederhanaan mempelajari Ilmu Fardu Ain bukan merupakan idea pertama yang dikemukakan oleh al-Ghazali, bahkan ilmuwan lain ialah Ibn Sahnun (m.256H/869M) berpendapat hanya al-Quran dan ibadat-ibadat pokok Islam yang wajib dipelajari, manakala ilmu yang selebihnya dianggap sebagai pelengkap dan setiap Muslim boleh memilih untuk mempelajari atau tidak mempelajarinya (Ibn Sahnun,1990:83-85; Salih Ahmad al-Syami,2001:86;A.L. Tibawi,1954: 431).

. Dalam karyanya, al-Ghazali banyak menekankan kepentingan tasawuf. Beliau memasukkan tentang sifat-sifat hati sebagai ilmu yang wajib dipelajari. Oleh itu Ilmu Fardu Ain termasuk ilmu tauhid iaitu ilmu tentang keesaan Allah, ilmu *al-Sirr* iaitu ilmu tentang rahsia dan sifat hati dan ilmu syariat berkaitan kewajipan dan larangan tuhan (al-Ghazali, 1999:7). Al-Ghazali menasihati murid-muridnya dalam kitabnya *Ayyuhal Walad* (al-Ghazali,1997:24-25) :

Wahai anakku yang tercinta! Apakah yang engkau peroleh daripada menghabiskan masa hanya belajar ilmu kalam, ilmu khilaf (perbahasan fekah yang halus), ilmu perubatan, ilmu mengenai puisi, ilmu astronomi, ilmu nahu dan tasrif selain daripada mensia-siakan umur dengan menyalahi perintah Allah yang Maha Besar. Sesungguhnya aku telah melihat dalam Injil, Nabi Isa a.s. menyebut : "Bila mayat seseorang mulai diletakkan atas keranda sehingga diletakkan di tepi kubur, Allah s.w.t. telah bertanya kepadanya empat puluh soalan dan soalan yang pertama

sekali ialah “Wahai hambaku! kenapa engkau sepanjang tahun hanya memerhatikan kebersihan tempat pandangan manusia kepadamu (yakni anggota zahir kamu), tetapi engkau tidak peduli kepada tempat pandangan-ku (yakni hatimu) walaupun satu saat. Dan setiap hari Allah s.w.t memandangi ke dalam hatimu lalu berfirman kenapa kamu hanya memberikan perhatian selain daripada Aku, sedangkan engkau dikelilingi dengan ihsan Aku. Apakah engkau sebenarnya tuli dan tidak mendengar lagi.

Dalam nasihat yang lain pula, al-Ghazali (1997:72) menyatakan :

Apabila kamu belajar satu ilmu atau mengulangkaji, hendaklah ilmu yang dipelajari itu boleh memperbaiki hatimu dan membersihkan jiwamu. Andaikata jika kamu mengetahui bahawa umur kamu hanya tinggal satu minggu sahaja lagi, sudah pasti kamu tidak akan sibuk dengan ilmu fekah (ilmu khilaf dalam mazhab) dan akhlak (teori akhlak), ilmu usul, ilmu kalam dan seumpamanya. ini adalah kerana kamu tahu bahawa segala ilmu yang kamu sebut tadi tidak memberi faedah kepadamu. Dalam keadaan itu, sudah tentu engkau hanya akan sibuk dengan muraqabah hatimu, mempelajari sifat-sifat kejernihan jiwamu akan berpaling daripada urusan keduniaan dan kau akan sibuk pula menghiasa hatimu dengan cinta akan Allah s.w.t. dan beribadat kepada Tuhan serta memakaikan diri dengan sifat-sifat yang baik. Kata beliau lagi “ilmu ini (ilmu membersihkan hati) adalah termasuk Ilmu Fardu Ain dan selain itu adalah fardu kifayah kecuali sekadar engkau belajar hukum-hukum yang berkaitan dengan kesempurnaan mengerjakan kefarduan yang diwajibkan.

Dalam al-Quran, Allah s.w.t telah membidas mengenai golongan yang hanya tahu zahir kehidupan dunia tetapi dalam masa yang sama lalai tentang hakikat kehidupan dan matlamatnya :

Mereka hanya mengetahui perkara yang zahir dari kehidupan dunia sahaja, dan mereka tidak pernah ingat hendak mengambil tahu tentang hari akhirat(al-Rum, 30:7).

Walau bagaimanapun, hakikat dan matlamat kehidupan hanya boleh difahami sekiranya mereka memahami siapa Tuhan yang sebenarnya dengan sifat-sifatnya yang Maha Sempurna. Dalam al-Quran juga telah ditegaskan bahawa mereka yang lupa kepada Allah, Dia menjadikan mereka lupa kepada diri mereka sendiri :

Dan janganlah kamu menjadi seperti orang yang telah melupakan Allah, lalu Allah menjadikan mereka lupakan diri mereka. Mereka itulah orang yang fasik (al-Hasyr, 59:19).

Sekiranya manusia lupa kepada Allah s.w.t., mereka akan lupa hakikat diri dan masyarakat. Sekiranya manusia lupa akan kebaikan Allah, maka manusia akan lupa apa yang baik untuk diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Kerosakan yang berlaku dalam peradaban manusia, dalam keluarga, dan dalam diri sendiri, bukan kerana langsung tidak berakal, tetapi

kerana akal yang ada telah disalah guna dan keupayaan rohaniah yang begitu hebat telah disia-siakan (salah haluan).

Tanpa iman, kepercayaan selainnya menjadi kalut dan bercelaru. Firman Allah yang bermaksud :

Dan hak Allahlah menunjukkan jalan yang lurus; dan di antaranya ada yang terpesong; jika Ia kehendaki, tentulah Ia memberi petunjuk kepada kamu semua(al-Nahl, 16:9).

Ilmu mengenai Tuhan Yang Maha Esa dengan sifat-sifat kesempurnaannya merupakan ilmu yang istimewa. Dengannya terbukalah ilmu-ilmu yang lain, khususnya ilmu-ilmu mengenai kebaikan-kebaikan yang wajib dilaksanakan dan kejahatan yang wajib dihindarkan, sama ada dari segi zahiriah mahupun rohaniah. Untuk mencapai ilmu agama yang sebenar-benarnya, maka seseorang itu mestilah memiliki perasaan hormat kepada ilmu, datang belajar dengan hati yang hadir, dan berniat untuk mentaati kebenaran dan kebaikan. Syarat untuk memahami kebenaran dan kebaikan telah dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran :

Apakah mereka tidak berjalan di muka bumi supaya mereka menjadi orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka mendengar, sesungguhnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dada (al-Hajj, 22:46).

Dalam hal ini, penulis cukup terkesan dengan pernyataan Fazlur Rahman (1992:57) :

“Physical avenues of information may improve vastly but the heart, the instrumen of perception and discernment, is dulled; the inputs and outputs of computers become ever more efficient; only the capacity to ask the right questions, the humanly relevant questions, fails.

Pangkal agama itu adalah dengan mengenal Allah, Tuhan yang Maha Esa Yang Memiliki sifat-sifat yang Maha Sempurna, yang juga terkenal dengan nama ilmu *al-Tauhid*. Dari ilmu mengenal Allah inilah yang kemudiannya bercabang menjadi Rukun Iman yang lain. Walaubagaimanapun, ilmu iktikad ini tidaklah beku terbatas pada intisari dasarnya sahaja, seperti yang diajar pada tahap kehidupan kanak-kanak. Sebaliknya ruang lingkup dan kandungan ilmu iktikad yang wajib dituntut itu berkembang, selaras dengan bertambahnya kedewasaan dan tanggungjawab seseorang Islam, sesuai dengan daya upaya dan kemampuan akalnya dan berkembang mengikut masa. Hal ini penting dalam menghindarkan sebarang keraguan sama ada akibat pembawaan diri, ataupun pengaruh masyarakat dalam bentuk kemungkaran akidah yang direka-reka. Dalam hal ini, semakin lama seseorang mukallaf itu hidup, maka semakin berkembanglah ruang lingkup urusan-urusan fardu ainnya yang memerlukan ilmu berkaitan, dari wuduk, solat lima waktu hinggalah puasa Ramadhan, dari zakat hinggalah ke haji – iaitu apa yang dinamakan Rukun Islam.

3 Ilmu Mengurus Sistem

Ilmu Mengurus Sistem merujuk kepada Ilmu Fardu Kifayah yang merupakan perintah Tuhan dan bersifat mengikat masyarakat Muslim sebagai satu kesatuan untuk mempelajarinya (bukan diwajibkan kepada setiap anggota masyarakat mempelajarinya). Imam Syafie adalah

orang pertama yang memperkenalkan istilah tersebut mendefinisikan fardu kifayah sebagai kewajiban tetapi jika sudah dijalankan oleh sejumlah orang Islam, maka kaum Muslimin yang lain tidak berdosa jika tidak menjalankan kewajiban tersebut (Osman Bakar,1997:234).

Dalam erti kata lain, Ilmu Mengurus Sistem merujuk kepada bidang-bidang ilmu yang diperlukan oleh masyarakat dan wajib dituntut oleh sebahagian mereka untuk mencukupkan keperluan masyarakat. Maksud ilmu ini ialah setiap ilmu yang diperlukan dalam rangka menegakkan urusan duniawi, contohnya ilmu perubatan untuk memelihara kesihatan tubuh manusia, ilmu matematik untuk keperluan jual beli, pembahagian harta dan pusaka serta lain-lain. Jika dalam sebuah negara atau daerah tidak ada seorang pun yang mengetahui ilmu itu maka semua masyarakat di situ berdosa. Tetapi, walau seorang sahaja yang mempelajari ilmu itu bermakna beban kewajiban mempelajari oleh anggota masyarakat yang lain adalah gugur dengan sendirinya. Secara ringkas Ilmu Mengurus Sistem ialah setiap ilmu yang amat diperlukan dalam kehidupan masyarakat. Jika seorang sahaja yang mengetahui ilmu itu bererti kewajiban orang lain terlepas kerana sudah ada orang yang mewakili masyarakat tersebut. Begitu juga sebahagian ilmu perindustrian atau perusahaan dianggap Ilmu Mengurus Sistem, contohnya ilmu perusahaan dan pertanian yang amat diperlukan oleh masyarakat. Al-Ghazali menegaskan, perusahaan-perusahaan asas termasuk dalam fardu kifayah seperti penenunan bahkan juga pembekaman (kesihatan tradisonal) dan jahit-menjahit(Osman Bakar,1997:15). Al-Ghazali berpandangan bahawa untuk menjadi pakar dalam sesuatu bidang ilmu itu bukan lagi menjadi fardu atau kewajiban tetapi adalah perbuatan yang digalakkan atau suatu perbuatan utama yang terpuji. Beliau berkata mendalami ilmu matematik yang rumit dan ilmu perubatan yang sulit tidak benar-benar diperlukan. Tetapi ilmu-ilmu tersebut memberikan potensi yang lebih daripada sekadar yang diperlukan(Osman Bakar,1997:15).

Menurut Yusuf al-Qardhawi (1997:180-181), walaupun al-Ghazali menyeru kepada tasawuf, zuhud dan tawakal tetapi beliau tidak menyeru untuk mengabaikan dunia seperti bertani, industri perubatan dan lain-lain. bahkan menganggap hal tersebut sebagai fardu kifayah ke atas seluruh umat Islam. Bila tidak cukup jumlah untuk memenuhi keperluan di bidang-bidang tersebut, maka seluruh umat Islam dianggap berdosa.

Imam al-Ghazali telah mengingatkan dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* bahawa perkembangan hal ehwal Islam seseorang Islam dalam menempuh siang dan malam kehidupannya tentulah tidak terlepas dari kejadian-kejadian dan susulan terhadap kejadian-kejadian tersebut yang berkaitan dengan ibadahnya dan muamalahnya secara terus menerus. Maka perlulah seseorang Muslim itu melazimkan dirinya dengan ilmu, supaya tidak berlaku atau terjadi sesuatu kepada seseorang Muslim melainkan dia tahu bagaimana untuk menunaikan tanggungjawab kemanusiaannya bertunjangan agama Islam yang lengkap lagi sempurna.

Menurut al-Ghazali, Ilmu Fardu Kifayah boleh dinilai daripada dua jurusan : Pertama, pengkhususan dalam ilmu-ilmu syariah yang wajib dituntut kerana ia menjadi perantara dalam menegakkan urusan keagamaan masyarakat Islam di dunia, seperti disiplin Bahasa Arab al-Quran, usul fiqh, fiqh jual beli dan perdagangan, pengurusan jenazah dan ketatanegaraan, dan lain-lain lagi. Pengkhususan ini adalah untuk memperjuangkan kelangsungan hidup masyarakat Islam di pentas siasah dunia. Kedua, pengkhususan *tafaquh fi al-Din* dalam pengertian yang luas, iaitu memberikan peringatan agama yang dapat memelihara identiti individu dan masyarakat Islam.

Allah s.w.t telah menyatakan secara khusus kepada generasi pertama Islam di Madinah jelas menunjukkan dua pembahagian paling asas mengenai pengkhususan tersebut. Firman-Nya yang bermaksud :

Dan tidaklah patut bagi orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); maka, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari setiap puak di antara mereka, untuk mendalami ilmu agama, dan untuk mengajar kaumnya apabila mereka kembali kepadanya; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (al-Taubah,9:122).

Ilmu Fardu Kifayah wajib dituntut dengan tujuan untuk menegakkan urusan duniawi masyarakat Islam. Dalam abad ke-12 Masihi, al-Ghazali telah memasukkan ilmu berkenaan perusahaan-perusahaan penting, seperti perubatan, pertanian, penenunan, pembinaan dan siasah dalam kategori Ilmu Fardu Kifayah. Al-Ghazali sendiri belajar ilmu falsafah dan sains tabii, di samping ilmu kalam, usul fiqh, fiqh, tasawuf dan hadis. Dalam karyanya juga terdapat cerminan kecintaan beliau kepada flora dan fauna selaku pemerhati alam dan persekitaran (Margaret Smith, t.t :68).

Sebagai contoh, apa yang berlaku dalam sejarah Islam, sains perubatan antarabangsa telah menarik perhatian masyarakat Islam sejak dari awal. Khalifah Umayyah, Marwan bin Hakam yang memerintah pada tahun 64H/684M dikenali sebagai seorang yang memiliki ilmu al-Quran dan bekas setiausaha kepada Saidina ‘Uthman bin ‘Affan. Apa yang menariknya, Khalifah Marwan telah mengarahkan seorang sarjana yang bernama Masirjuwaih untuk menterjemahkan satu buku perubatan tulisan pakar perubatan Yunani ke Bahasa Arab, dalam konteks pemindahan ilmu daripada tamadun Yunani kepada tamadun Islam. Usaha penterjemahan tersebut tentunya dilaksanakan dalam satu ekosistem yang menggalakkan usaha serius pembacaan, penulisan, wacana, perbincangan dan dialog.

Kita biasa diperkenalkan bahawa Khalifah Umar bin ‘Abd al-‘Aziz sebagai seorang yang mentadbir negara bersama para fuqaha, mengetuai rombongan haji, menghormati alim ulama, dan menyebarkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Namun, sebenarnya dalam masa yang sama Khalifah Umar juga turut memperjuangkan agar rakyatnya menuntut ilmu pengetahuan, sains dan kemahiran yang sedang dikuasai oleh bangsa lain.

Tradisi tersebut telah lama dimajukan oleh raja-raja Dunia Islam pada zaman silam. mereka telah menyediakan klinik dan hospital yang teratur menerusi sistem wakaf seperti yang dipelopori oleh al-Walid bin ‘Abd al-Malik, Khalifah Umayyah yang memerintah dari Sepanyol hingga ke India antara tahun 705-715M/86-96H (al-Zabidi, 1989:223).

Justeru itu, apa yang perlu ditekankan ialah bahawa Ilmu Fardu Kifayah adalah prasyarat kepada terlaksananya kebaikan dan kebajikan dalam urusan-urusan keperluan lazim umat Islam. Menurut al-Ghazali, adalah berdosa jika tidak menuntut Ilmu Fardu Kifayah, kerana ia membawa kepada kebinasaan diri sendiri. Allah membuat pertentangan antara membinasakan diri dengan berbuat kebajikan; yang pertama itu dilarang sementara yang kedua itu disuruh. Larangan dan suruhan Allah itu terkandung dalam ayat 195 surah al-Baqarah :

Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Dengan perkembangan zaman, tinjauan fikiran pengetahuan dan sains masa kini telah mengalami perubahan yang sangat besar. Justeru itu, dalam abad ke-21 ini, Syed Muhammad Naquib al-Attas telah memasukkan dalam Ilmu Fardu Kifayah ini bidang-bidang ilmu berikut: ilmu kemanusiaan, sains tabii, sains gunaan, sains teknologi, perbandingan agama, kebudayaan Barat, ilmu-ilmu bahasa dan sejarah Islam seperti pemikiran Islam, kebudayaan Islam dan tamadun Islam (al-Attas, 1993:159).

Semua ilmu tersebut harus diserasikan dengan kerangka pandangan hidup Islam. Menurut al-Attas (1993:160) :

.....agama perlu memastikan keseimbangan dalam kehidupan manusia. Oleh itu, kita tidak boleh mengasingkan diri dari perkembangan sains dan teknologi. Kita harus melibatkan diri dengan proses perkembangan sains dan teknologi bagi meneliti, mempelajari dan memahami prinsip-prinsip sains dan teknologi; supaya kita berkeupayaan memastikan sejauh mana sains dan teknologi bersesuaian atau bercanggah dengan tamadun kita sendiri; supaya kita mampu membuat pilihan yang betul tentang penerimaannya ke dalam cara hidup kita. Pemisahan antara bidang-bidang sains, kemanusiaan dan keagamaan tidak harus dibenarkan kerana ia akan menyekat atau menyukarkan perbincangan yang membawa faedah bersama antara satu sama lain.

4 Keseimbangan Dunia dan Akhirat

Ilmu al-Quran berkembang bukan sahaja dalam dimensi akidah, iman dan takwa tetapi subur dalam dimensi sains, kemasyarakatan, hukum, seni, budaya dan lain-lain. Al-Quran bukan sahaja dijadikan pedoman untuk mengurus diri tetapi sekaligus pedoman untuk mengurus sistem. Inilah asas pendidikan Rabbani di mana asas Rabbani merentasi Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem. Faktor integratif yang menghubungkan kedua-duanya ialah akidah. Apa sahaja yang dijadikan asas dalam mengurus diri perlu diperteguhkan ikatan dengan Pencipta dan hubungan sesama manusia. Al-Ghazali (1996,1:23) pernah menyatakan:

Engkau telah maklum bahawa natijah dari ilmu ialah mendekatkan diri kepada Pencipta Alam dan menaikkan taraf sama dengan para malaikat serta berada di tengah-tengah arwah yang utama. Hal ini adalah di akhirat nanti, sedangkan di dunia pula ia menjadi mulia, memiliki kebesaran, mempunyai pengaruh pemerintahan kepada pemimpin negara dan biasanya amat dihormati.

Al-Ghazali (1996,1:23) juga amat prihatin terhadap kehidupan seimbang dunia dan akhirat. Beliau berkata :

Secara jelas tujuan manusia adalah meliputi agama dan dunia. Agama tidak akan teratur melainkan kehidupan dunia juga teratur, manakala dunia adalah tempat menyebarkan benih bagi akhirat serta jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t bagi mereka yang ingin mengambil menjadikan alat dan tempat tinggal.

Jelasnya, al-Ghazali tidak memfokuskan kehidupan dunia atau akhirat semata-mata, sebaliknya beliau menganjurkan supaya bekerja dan berusaha seiring tanpa meremehkan salah satu daripada kedua-duanya. Oleh itu ruang lingkup ilmu dan pendidikan yang diharapkan bagi masyarakat Islam tidak sempit atau terbatas bagi disiplin ilmu *'aqliyyah* semata-mata atau sebaliknya.

Bukti sejarah menunjukkan bagaimana umat Islam terdahulu mampu memberi keutamaan kepada Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem dalam membangunkan

tamadun contoh. Ilmuwan seperti Ibn Sina dan al-Khawarizmi umpamanya mampu menghafaz al-Quran ketika berumur tujuh tahun dan sepuluh tahun. Kemudian mendalami ilmu fekah, tafsir dan menguasai bahasa-bahasa utama. Ilmu Mengurus Diri dijadikan prasyarat berilmu dalam kalangan mereka. Selepas itu mereka belajar ilmu astrofizik, matematik, sains perubatan dan lain-lain untuk memiliki kepakaran dalam Ilmu Mengurus Sistem. Hal yang sama juga dilakukan oleh al-Battani, Abbas Ibn Firnas, al-Zahrawi, Ibn Nafis, Ibn Haitam, al-Biruni dan ramai lagi. Ibn Nafis umpamanya memiliki kepakaran dalam bidang *lughah* (Bahasa Arab) dan syariah. Dalam masa yang sama, beliau juga tekun mempelajari bidang perubatan sehingga menjadi pakar paling masyhur dalam bidang ilmu peredaran darah (*blood circulation*).

Pada peringkat awal lagi mereka tekun mendalami Ilmu Mengurus Diri supaya mampu menghubungkan diri dengan Allah, mendalami al-Quran untuk mendapatkan sumber petunjuk serta mengembangkan Ilmu Mengurus Sistem. Tanpa asas ini, tidak mungkin manusia dapat mengurus sistem dengan baik. Integrasi Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem terbukti telah memberikan asas kukuh bagaimana perubahan dan pembangunan bersifat holistik boleh berjalan dengan baik. Akhirnya, ia mampu menghasilkan tamadun besar yang menyumbang ke arah pembangunan diri dan alam sekitar serta memberi manfaat kepada manusia.

Tujuan pendidikan Islam adalah untuk menyiapkan anak-anak apabila dewasa kelak berkemahiran melaksanakan pekerjaan di dunia dan amalan akhirat sehingga tercipta kebahagiaan bersama. Kebahagiaan di dunia merupakan alat untuk mencapai kebahagiaan akhirat kerana kebahagiaan dunia bersifat sementara. Oleh itu kebahagiaan di dunia merupakan matlamat sementara yang perlu diperoleh untuk menuju tujuan yang lebih agung lagi iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dalam rangka mencapai kebahagiaan akhirat. Demi mencapai kebahagiaan dunia, anggota masyarakat perlu menguasai bidang ilmu yang bermanfaat. Pendidikan dalam Islam bukanlah terbatas kepada soal-soal keagamaan, akhlak dan kerohanian semata-mata. Walaupun ketiga-tiga perkara ini dianggap terpenting, bidang-bidang lain yang memberi manfaat juga perlu dikuasai. Ini dapat difahami daripada kenyataan Saidina Umar : “Ajarlah anak-anakmu berenang, menunggang kuda dan meriwayatkan kepada mereka cerita-cerita dan contoh-contoh yang baik, juga syair-syair yang indah” (Salih Ahmad al-Syami, 2001:182).

Kejayaan didunia dan akhirat mesti disertai ilmu dan amal serta keikhlasan. Sebagai contoh, objektif utama penulisan kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* ialah menggalakkan umat Islam mempraktikkan ilmu dengan amalan kerana matlamat ilmu ialah amal dan membersihkan amalan daripada kotoran yang mengotorinya bagi memastikan ia benar-benar dilakukan dengan ikhlas. Ibn al-Jawzi menceritakan bahawa sesetengah murid al-Ghazali bertanya kepada beliau sebelum beliau meninggal dunia : “Beri suatu wasiat kepada saya”. Jawab beliau “hendaklah anda sentiasa ikhlas”. Beliau sentiasa mengulangi wasiatnya itu sehingga beliau meninggal dunia (Salih Ahmad al-Syami, 2001:182).

Lebih setengah abad yang lalu timbul kesedaran umat Islam untuk kembali melakukan reformasi dalam pendidikan supaya Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem diberikan dimensi dan pendekatan baru supaya faktor integrasi dan penerapan nilai dijadikan agenda penting. Perhimpunan ilmuwan Islam dalam Persidangan Pertama Dunia Islam di Makkah (1977) membincangkan isu pendidikan umat. Hasilnya, mereka telah merumuskan garis bertindak ke arah mengukuhkan lagi Ilmu Mengurus Diri dan Ilmu Mengurus Sistem. Reformasi ini sangat penting supaya lahir sumber tenaga manusia yang menguasai dua bidang ilmu secara integratif supaya corak kemajuan dan pembangunan berjalan atas acuan Rabbani dan kemanusiaan (Sidek Baba, 2006:62).

5 Cadangan

Kepercayaan agama merupakan satu perkara penting yang menjadi tunjang kehidupan manusia. Ia harus diperkuatkan dan diperkukuhkan dalam jiwa anak-anak dan orang awam, hingga meresap ke dalam sanubari dan membawa kepada lahirnya sikap merendahkan diri, takut dan teguh hatinya kepada Allah s.w.t. Di antara usaha yang boleh dilakukan ialah, isi kandungan pengajaran agama Islam diperkemaskan lagi dengan memperkenalkan para pelajar (pada mana-mana bahagian yang sesuai) kepada tokoh-tokoh dalam sejarah Islam yang serba boleh dari segi penguasaan al-Quran, al-Sunnah, pentadbiran negara, falsafah, sains, kemahiran dan kesenian. Kasih kepada tokoh-tokoh yang mempunyai keperibadian yang integratif haruslah dititipkan dalam jiwa anak-anak. Kenal tokoh sejarah dan tokoh semasa diharap dapat mempertingkatkan keberkesanan pendidikan dengan memperkukuh tekad para pelajar ke arah kebaikan dan membantu pemupukan kebaikan tersebut. Hal ini kerana, Pendidikan Islam tidak terpisah daripada memerhatikan tokoh-tokoh yang baik dan berhubung dengan mereka. Tabiat manusia lebih-lebih lagi kanak-kanak, memang suka meniru atau mengajuk; tanpa sedar kita memperoleh akhlak baik atau buruk dari orang lain. Selain al-Ghazali, prinsip ini turut ditekankan oleh Miskawayh dan ahli-ahli falsafah Yunani seperti Plato.

Sehubungan dengan itu juga, galakan khusus perlulah dibuat kepada pembacaan serius buku-buku kisah tokoh-tokoh tersebut, contohnya melalui program NILAM. Kisah-kisah para sahabat, tabi'in dan pengikut tabiin harus difahami dan disampaikan dalam konteks yang integratif, tidak hanya menekankan kepada peraturan fiqh yang zahir sahaja. Selain buku, karya-karya seni seperti filem juga boleh dimanfaatkan seperti *The Messenger*, *Omar Mokhtar*, *Ghandi* dan lain-lain, sebagaimana penulis cukup terkesan dengan filem-filem sebegini semasa berada di sekolah menengah.

Seorang tokoh integrasi keilmuan Islam, Prof. Dr. Taha Jabir menyarankan supaya pendekatan eklektik digunakan bagi menentukan umat Islam tidak ketinggalan dalam arus modenisasi. Beliau mencadangkan supaya ditinjau semula Ilmu Mengurus Diri dalam konteks ilmu-ilmu tradisi. Ilmu moden Barat pula hendaklah dimanfaatkan. Sementara metodologi yang sesuai termasuk teks-teks *turath* (warisan) dapat dihayati semula menggunakan metodologi terkini supaya ilmu-ilmu Islam mampu menghadapi perubahan zaman dan cabaran lingkungan.

5 Kesimpulan

Pendekatan integratif yang berasaskan faktor Rabbani mampu menghasilkan tamadun unggul dalam semua bidang ilmu pengetahuan. Penulisan kitab-kitab besar berlaku dalam keadaan yang amat luar biasa. Proses penterjemahan buku-buku berlaku dengan rancak dan akhirnya muncullah Bait al-Hikmah dan Andalusia. Ia membuktikan bahawa perlunya integrasi ilmu. Tidak hairanlah apabila ia mampu bertahan hampir 700 tahun. malah menjadi sumber rujukan dan tamadun orang Timur dan Barat.

Ilmu-ilmu yang diserasikan dengan kerangka pandangan hidup Islam itulah yang memungkinkan dunia Islam menjadi kiblat ilmu yang bersepadu dalam pelbagai disiplin ilmu. Sejarah Islam telah membuktikan bahawa sikap yang integratif terhadap ilmu telah mengangkat ibu kota dunia Islam seperti Baghdad menjadi pusat budaya dan bandar paling kaya, di mana berkumpulnya para ilmuwan, saintis, sasterawan, penterjemah, pengarang, penyair dan ahli profesional dalam pelbagai bidang seni dan kemahiran.

Bibliografi

- Abdul Salam Yussof. *Imam al-Ghazali : Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. 2003.
- A.L. Tibawi. Muslim Education in the Golden Age of the Caliphate, *Islamic Culture*, v.28, 1954.
- Al-Ghazali. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut : Dar al-Kutub, 1996.
- Al-Ghazali. *Ayyuhal Walad*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam. Alor Setar : al-Khazanah al-Banjariyah. 1997.
- Al-Ghazali. *Minhaj 'Abidin*, terj. Engku Ali Engku Endut. Kuala Trengganu : Aspirasi Teras, 1999.
- Digital Islamic Resource Centre (DIRC) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di www.dirc.jakim.gov.my. dan www.IslamGRID.gov.my.
- Fazlur Rahman. *Major Themes of the Quran*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur : Islamic Book Trust. 1999.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. *Pemikiran al-Ghazali Tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Hasan Langgulung. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Ibnu Khaldun. *Muqaddimah Ibn Khaldun*, terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Ibn Sahnun. "Risalah Adab al-Mu'allimin", dalam *al-Fikr al-Tarbawi 'inda Ibn Sahnun wa al-Qabisi*, ed. 'Abd Amir Syams al-Din. Beirut : Dar al-Kitab al-'Alam, 1990.
- Margaret Smith. *Al-Ghazali the Mystic*. Lahore : Kazi Publications, t.t.
- Mohd Sani Badron. "Dinamika Fardhu Ayn dan Fardhu Kifayah : Kesepaduan Ilmu Sains, Kemanusiaan dan Keagamaan", kertas kerja *Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia : Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam* anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia 24-25 Sept. 2013.
- Muhammad Atiyyah al-Abrasyi. *al-Tarbiyah al-Islamiyah wa Falasifah*. ed ke-3. Dar al-Fikr al-'Arabi. 1980.
- Murtada al-Zabidi. *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin bi Syarh Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989.
- Omar al-Syaibani. *Falsafah Pendidikan Islam*, terj. Hasan Langgulung. Shah Alam : Percetakan Hizbi, 1991.
- Osman Bakar. *Classification of Knowledge in Islam : A Study in Islamic Philosophies of Sciences*. Kuala Lumpur : Institute for Policy Research, 1997.
- Osman Bakar. *Hierarki Ilmu : Membangun Rangka Fikir Islamisasi Ilmu Menurut al-Farabi, al-Ghazali dan Qutb al-Din al-Syairazi*, terj. Purwanto. Bandung : Penerbit Mizan, 1997.
- Salih Ahmad al-Syami. *Perjuangan al-Ghazali Menegakkan Kebenaran dan Menghapuskan Kebatilan*, terj. Basri Ibrahim. Johor Bharu : Perniagaan Jahabersa, 2001.
- Sidek Baba. *Pendidikan Rabbani : Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Selangor : Karya Bestari Sdn. Bhd., 2006.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Aims and Objectives of Islamic Education*. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).1979.
- _____. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1980.
- _____. *Islamic and the Philosophy of Sciences*. Kuala Lumpur : International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1989.

-
- _____ . *The Concept of Education in Islam : A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur : International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1991.
-
- _____ . *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur : International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1993.
-
- _____ . *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur : International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 2001.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor Aini Dan. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia : Pendekatan Bersepadu*. Selangor : As-Syabab Media, 2002.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Konsep Ilmu dalam Islam*, terj. Rosnani Hashim. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
-
- _____ . *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
-
- _____ . *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas : Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Yusuf al-Qardawi. *Pro-Kontra Pemikiran al-Ghazali*. terj. Achmad Satori Ismail. Surabaya : Penerbit Risalah, 1997.